


1



MEMPERKENALKAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (**SPPPP**) YANG MEMBERIKAN PENDAFTARAN **PERCUMA** KEPADA :


Kategori Usahawan Kumpulan B40

- Pemegang MyKad / MyPR.
- Berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan.
- Mempunyai maklumat dalam pangkalan data penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 bagi golongan B40. (Semakan boleh dibuat di <https://bpn.hasil.gov.my>).
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

Kategori Pelajar IPT Sepenuh Masa

- Pemegang MyKad / MyPR.
- Wargenagara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan.
- Pengajian belajar / kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA / IPTS / Politeknik / Kolej / Institut Kemahiran / Pusat Kemahiran di dalam negara.
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

2



MENERUSKAN PELAKSANAAN SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (**S1OKU1P**)

- Pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan secara **PERCUMA** kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).
- Terhadap kepada satu perniagaan sahaja kepada setiap OKU.
- Memberi galakan kepada OKU melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang.

3



MELANJUTKAN TEMPOH MASA PENDAFTARAN SSM BIZTRUST SECARA **PERCUMA** SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

- Menawarkan pensijilan SSM BizTrust melalui logo (*seal*) yang akan dipaparkan di platform perniagaan dalam talian yang didaftarkan.
- Membina dan mewujudkan keyakinan pengguna dalam mengurus niaga serta mengurangkan risiko kes penipuan.
- Layari www.biztrust.ssm.com.my untuk maklumat lanjut dan pendaftaran.
- Entiti berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) boleh memuat turun kod QR SSM BizTrust secara percuma melalui portal ezBiz Online ezbiz.ssm.com.my.
- Pengguna boleh mengimbas Kod QR SSM BizTrust melalui aplikasi MySSM yang boleh dimuat turun secara percuma ke peranti mudah alih dari Apple Appstore, Google Playstore dan Huawei AppGallery.
- Kod QR SSM BizTrust ini akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status dan alamat URL perniagaan sebaik sahaja diimbas.

4



MENGEQUALIKAN KOMPAUN ATAS KELEWATAN PEMBAHARUAN DAN KELEWATAN MENDAFTARKAN PERNIAGAAN

- Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. **DILANJUTKAN**
- Membantu peniaga untuk memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan yang telah tamat / luput atau mendaftarkan perniagaan baharu.
- Menggalakkan peniaga menjalankan perniagaan secara formal dengan mematuhi kehendak perundangan serta memanfaatkan faedah menjalankan perniagaan melalui entiti berdaftar yang sah di sisi undang-undang.

5

PENGURANGAN
KOMPAN

90%

MENGURANGKAN KOMPAN SEBANYAK **90%** DARIPADA NILAI ASAL BAGI PERMOHONAN PEMBATALAN NAMA SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 549/550 AKTA SYARIKAT 2016

**DILANJUTKAN
31 DISEMBER 2021**

- Insentif ini dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021.
- Syarikat dan pengarah syarikat yang telah memohon atau diambil tindakan pembatalan syarikat menurut peruntukan di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 layak mendapat pengurangan kompaun sebanyak **90%**.
- Kadar kompaun ini terpakai kepada semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016.

6



MENAIKKAN NILAI AMBANG KETERHUTANGAN DARI RM10,000 KEPADA **RM50,000 SECARA KEKAL BERKUATKUASA PADA 1 APRIL 2021**

- Tindakan pengekatan nilai ambang keterhutangan syarikat kepada amaun yang melebihi RM50,000 berbanding nilai ambang keterhutangan sebelum ini iaitu RM10,000 adalah penting bagi meringankan beban syarikat yang menghadapi masalah aliran tunai daripada tindakan penggulungan.
- Untuk membantu syarikat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 di mana aliran tunai adalah terhad untuk membayar hutang syarikat.

7



MENGIKTIRAF SEMUA **20 MATA** CONTINUOUS PROFESSIONAL EDUCATION (CPE) SETAHUN DIKUMPUL MELALUI LATIHAN SECARA DALAM TALIAN

- Berkuatkuasa 1 Januari 2021, SSM telah menstruktur semula kaedah pengumpulan mata CPE bagi pembaharuan Sijil Amalan (PC) Setiausaha Syarikat.
- SSM mengiktiraf semua 20 mata CPE setahun dikumpul melalui latihan dalam talian.
- Semua jenis atau kategori latihan dalam talian boleh diambil kira sebagai mata CPE iaitu termasuk *webinars & e-learning*.
- Memudahkan setiausaha syarikat mematuhi keperluan mata CPE di bawah pematuhan Sekyen 241 Akta Syarikat 2016.

8



MENCADANGKAN PINDAAN BAGI MENAMBAHBAIK PERUNTUKAN- PERUNTUKAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 BERKAITAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT DAN SKIM KOMPROMI ATAU PERKIRAAN

- Mendapatkan sumber kewangan yang baharu (*rescue financing*) bagi kelangsungan operasi syarikat.
- Membolehkan Mahkamah meluluskan *scheme of arrangement* dengan melindungi hak-hak pemiutang sedia ada.
- Meluaskan akses kepada *Corporate Rescue Mechanism* (CRM) kepada lebih banyak kategori syarikat termasuk *public listed companies*.

9



MEMPERKENALKAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKAITAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT DI BAWAH AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

- Menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
- Penambahbaikan serta pindaan untuk memperluaskan pemakaian perundangan berhubung CRM ini akan membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat agar PLT boleh terus beroperasi (*stay afloat*).
- Inisiatif ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjana ekonomi negara.
- Memperkenalkan peruntukkan mengukuhkan polisi berhubung kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang komprehensif.

10



MEMPERKENALKAN MORATORIUM **30 HARI** SELEPAS TAMAT TEMPOH *TOTAL LOCKDOWN* BAGI SERAH SIMPAN DOKUMEN BERKANUN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 DAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

- Bagi semua transaksi di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang perlu diserahkan simpan atau dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh *Total Lockdown*, moratorium selama 30 hari dari tarikh akhir *Total Lockdown* diberikan untuk serah simpan dilaksanakan dalam tempoh moratorium tersebut.
- Fi lewat serah simpan dikecualikan.

11



BAHARU

MELANJUTKAN MASA 90 HARI BAGI SYARIKAT DENGAN TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 1 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 JANUARI 2021 BAGI :

- Mengedarkan penyata kewangan.¹
- Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).²
- Menyerahsimpan penyata kewangan.³
- **RM100** fi permohonan lanjutan masa **dikecualikan**.⁴
- Permohonan mesti dihantar kepada SSM melalui e-mel ke eotmco3@ssm.com.my selewat-lewatnya 31 Julai 2021 menurut Arahan Amalan Bil. 8/2021.

Nota

¹ Seksyen 258(1) Akta Syarikat 2016 dan Nota Amalan 3/2018

² Seksyen 340(4) dan ³ Seksyen 259(2) Akta Syarikat 2016

⁴ Peraturan 8(5) Peraturan-Peraturan Syarikat 2017